

Unisel bakal himpun Saintis Islam dunia



● Abdul Khalid menerima cenderamata daripada Rostī pada majlis ulang tahun ke-10 Unisel.

SHAH ALAM - Sejajar dengan hasrat Universiti Industri Selangor (Unisel) menjadi institusi pendidikan terulung arena akademik antarabangsa, Unisel terpilih sebagai penganjur dan tuan rumah bagi Persidangan Akademik Sains Dunia Islam (Islamic World Academy of Sciences (IAS) 2009 pada 14 hingga 17 Disember nanti.

Persidangan tersebut bakal menghimpunkan lebih 300 tokoh saintis Islam sedunia yang di-naungi Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah. Ia adalah persidangan yang ke-17 di mana tahun lalu diadakan di Kazan, Tatarstan.

Naib Canselor Unisel, Datuk Dr Rosti Saruwono berkata, pemilihan Unisel adalah satu pengiktirafan kepada universiti ini, sekali gus mengangkat martabat Unisel di peringkat antarabangsa melalui pembangunan program akademik dan pembangunan insan.

Katanya, seminar antarabangsa tahunan itu bakal membincangkan pencapaian sains dan bioteknologi Islam.

"Unisel selaku tuan rumah bersama Akademi Sains Hayat dan Bioteknologi Islam Antarabangsa (IIALSB) amat berbangga dengan

penghargaan dan kepercayaan yang diberikan IAS yang beribu pejabat di Jordan.

"Persidangan ini memberi peluang kepada semua saintis Unisel dan saintis Islam di negara ini mendekati tokoh sains Islam antarabangsa yang terkenal dan mendapat pendedahan dengan lebih menyeluruh perkembangan sains dalam dunia Islam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis pelancaran ulang tahun ke-10 Unisel yang di rasmikan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim di sini.

Menurut Rosti, persidangan selama empat hari itu memberi tumpuan kepada keselamatan makanan, polisi S&T, teknologi terbaru, pemindahan teknologi, sumber manusia S&T, kesihatan dan nutrisi; pendidikan sains, bioteknologi, tenaga, alam sekitar dan pembangunan, sumber air, teknologi maklumat, nano teknologi serta sumber asli.

Sementara itu Abdul Khalid dalam ucapannya berkata, sepanjang persidangan tersebut juga akan mengetengahkan tokoh saintis wanita Islam dari negara anggota OIC. Malah beberapa saintis wanita Islam dunia akan membentangkan kertas kerja mengenai pem-

babitwan wanita Islam dalam perkembangan sains, teknologi dan bioteknologi.

"Persidangan ini menjadi sebahagian daripada agenda antarabangsa IIALSB dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai hub sains hayat dan bioteknologi Islam sedunia.

"Ia dijangka mampu meningkatkan keprihatinan dan pengetahuan masyarakat serta wanita Islam di negara Pertubuhan Persidangan Dunia Islam (OIC), mengenal pasti masalah penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam kalangan negara OIC, menjalin hubungan erat dengan sektor sains swasta serta media serta meningkatkan jumlah penyertaan remaja dari negara OIC dalam bidang sains teknologi dan inovasi (STI)," katanya.

Difahamkan, selain Unisel terdapat empat lagi universiti tempatan yang mengambil bahagian dalam pameran saintifik pada persidangan yang sama iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Selain itu, Unisel akan membentuk Rangkaian Kecemerlangan Pusat Bioteknologi Selangor (BioCENet Sel), Akademi Islam Antarabangsa Sains Hayat dan Bioteknologi (IIALSB).

Iktiraf martabat